



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/3/2013

ISNIN 4 MAC 2013

UTUSAN MALAYSIA · MUKA 5

Pencerobohan Berdarah di Sabah

Strategi mantap tangani isu pencerobohan - Panglima ATM

UM - 4/3/2013

LAHAD DATU 3 Mac - Pasukan keselamatan yang terdiri daripada pasukan tentera dan polis mempunyai perancangan dan strategi mantap serta mampu menangani isu pencerobohan di Kampung Tanduo di sini yang telah berlarutan selama 19 hari.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zain berkata, pihaknya juga sentiasa bersedia dan mampu berhadapan dengan apa sahaja situasi yang akan berlaku pada bila-bila masa.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, pihaknya juga sentiasa berwaspada dan tidak memandang rendah pasukan penceroboh yang dilihat mempunyai pengalaman bertempur selain taktik serangan gerila yang baik.

"Kita mempunyai rancangan dan kita tidak boleh terus masuk tetapi apa yang penting kita telah mengepung dan mereka sentiasa dalam perhatian kita.

"Lokasi mereka adalah di pusat yang mempunyai penembak tepat

dan sebagainya, jadi mereka tahu kita tidak mampu masuk tanpa risiko kecederaan memandangkan kawasan berkenaan adalah terbuka," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib.

Tambah Zulkifeli, pihaknya tidak meletakkan jangka masa tertentu untuk bertindak tetapi berharap kes tersebut akan diselesaikan secepat

mungkin.

Beliau berkata, sekiranya berlanjutan sekalipun kumpulan berkenaan tidak akan dapat melepasi kawasan Kampung Tanduo memandangkan telah dikepung sama ada di daratan mahupun laut.

Sementara itu, beliau berkata, pihak tentera akan meningkatkan lagi kekuatan dengan menghantar dua lagi batalion tentera dari kem-kem tentera di Pantai Timur negeri ini.

Ujarnya, langkah itu juga dilihat amat signifikan bagi meningkatkan

lagi keyakinan masyarakat terhadap tahap keselamatan mereka.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kemasukan kumpulan berkenaan dari negara jiran, Zulkifeli percaya kumpulan itu memasuki negeri ini secara berperingkat menggunakan bot-bot kecil.

"Saya juga percaya mereka ini masuk ke negara ini dengan memakai pakaian biasa sebelum menukar pakaian seragam kerana kita menjumpai dua beg pakaian awam," ujarnya.



ZULKIFELI Mohd. Zin pada sidang media di Lahad Datu, Sabah, semalam. - BERNAMA